

POKOK CHENGAL BESAR

(*Neobalanocarpus hemii*)

Family: Dipterocarpaceae

Genus: *Neobalanocarpus*

Species: *Neobalanocarpus heimii*



Pokok Chengal merupakan sejenis pokok kayu keras yang popular. Kawasan taburan semula jadi pokok ini terhad kepada Semenanjung Malaysia, Singapura dan selatan Thailand.

Pokok chengal ini boleh dijumpai di hutan tanah dipterokap campuran tanah pamah tropika, terutamanya di tanah yang beralun, kawasan paya dan kadang kala di kawasan kering di hutan paya.

Kayu chengal adalah kayu keras yang tahan lama dan mempunyai ketumpatan antara 915 hingga 980 kilogram per meter padu yang kebiasaannya digunakan dalam kerja pembinaan berat terutamanya pembinaan bot, tiang dan jambatan tanpa perlu diawet kerana ia tahan dari serangan anai-anai.

Di Malaysia, pokok chengal tumbuh di kawasan hutan tanah pamah yang mempunyai ketinggian kurang dari 1,000 meter, terutamanya di kawasan yang mempunyai saliran air yang baik. Kebiasaannya pokok cengal hidup dengan baik di kawasan yang menerima hujan lebih dari 2,000 milimeter setahun dan tiada musim kemarau yang panjang.

Pokok chengal terbesar dan tertua di Malaysia telah ditemui di Hutan Simpan Pasir Raja, Terengganu. Pokok chengal tersebut setinggi 65 meter dengan ukur lilitnya 16.75 meter. Usia pokok tertua ini dianggarkan 1,300 tahun iaitu berdasarkan kaedah pengiraan pokok di kawasan tropika mengikut pertumbuhan gegelang (growth ring) pada kadar 0.4 cm setahun.



Semasa Ekspidisi Saintifik Kepelbagaiannya Biologi Hutan Gunung Mandi Angin, Terengganu pada tahun 2004, para peserta ekspedisi yang terdiri daripada penyelidik telah menjalankan penyelidikan terhadap pokok tersebut. Chengal ini juga telah menerima pengiktirafan daripada The Malaysia Book of Records sebagai pokok terbesar di Semenanjung Malaysia dan didokumenkan dalam keluaran edisi ketiga pada tahun 2001.